



# Jubli Perak JMTI

*Oleh Melati Desa & Rosmawati Abu Bakar*



## Penubuhan JMTi

Institut Teknikal Jepun – Malaysia (Bahasa Inggeris: *Japan Malaysia Technical Institute*, JMTi) adalah sebuah institut yang telah ditubuhkan dengan kerjasama teknikal antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Jepun. Idea penubuhannya telah dicadangkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1994. JMTi secara rasminya telah ditubuhkan pada tahun 1998 dan diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia (KSM). JMTi ditubuhkan bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja yang berketerampilan dan berpengetahuan dengan menyediakan latihan kemahiran di peringkat tinggi dalam bidang teknologi termaju sejajar dengan keperluan teknologi semasa dalam sektor perindustrian. Kampus JMTi terletak di Taman Perindustrian Bukit Minyak, Seberang Perai dan menawarkan kursus latihan peringkat sijil, diploma dan diploma lanjutan dalam bidang teknologi kejuruteraan. Berikut disertakan sejarah penubuhan JMTi secara ringkas.

JULAI 1993: Cadangan membina JMTi oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri.

APRIL 1994: Seramai empat orang dari Kumpulan 'Japanese Basic Survey Team on JMTi Project' telah melawat Malaysia.

OGOS 1994: Perdana Menteri Jepun melawat Malaysia. Salah satu daripada agendanya ialah untuk membincangkan tentang penubuhan JMTi.

FEBRUARI 1995: Dua orang pakar sumber manusia dari Jepun iaitu En. Shoji Shiga dan En. Hideyo Shimazu telah dihantar ke Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk mengkaji keperluan penubuhan JMTi.

SEPTEMBER 1995: Lawatan ke Malaysia oleh 'Japanese Preliminary Survey Mission Team' yang terdiri daripada sembilan anggota dan diketuai oleh En. Shioji.

JUN 1996: Tujuh anggota daripada 'Japanese Specialist Survey Mission Team' yang diketuai oleh En. Masaharu Tanaka telah melawat Malaysia untuk kali yang kedua.

SEPTEMBER 1997: 'Japanese Implementation Study Team' yang diketuai oleh En. Moriaki Nagae, melawat Malaysia. Lawatan itu disusuli dengan majlis menandatangani 'Record of Discussion (ROD) on Japanese Technical Cooperation on JMTi Project'.

*continued on the next page ...*



# Istiadat Minum Teh Jepun

*continued from the previous page ...*

Sempena ulangtahun ke-25 beroperasinya JMTI, majlis sambutan jubli perak telah dijalankan pada 18 Oktober 2022. Saya sebagai bekas tenaga pengajar bahasa Jepun dan sekarang sebagai salah seorang penasihat teknikal AJK kecil institut tersebut telah dilantik sebagai penasihat program. Program yang dimaksudkan ialah satu badan perancang majlis yang diamanahkan untuk mengendalikan istiadat minum teh. Dalam budaya Jepun, upacara minum teh merupakan adat dan budaya yang penuh dengan seni dan diamalkan di majlis-majlis rasmi. Puan Rosmawati yang merupakan pensyarah bahasa Jepun dijemput untuk menjayakan upacara tersebut.

Istiadat minum teh telah dijalankan pada pukul 11.00 pagi di mana penyediaan teh untuk para tetamu VIP dimulakan dengan menggunakan teh serbuk matcha yang dibuat daripada teh hijau yang digiling halus.

Istiadat minum teh di Jepun banyak mengandungi makna kehidupan. Setiap gerakan dalam istiadat tersebut membawa makna tersendiri. Ia harus dilakukan dengan amat berhati-hati dan penuh kesabaran dan tidak boleh tergesa-gesa.



Tetamu yang akan meminum teh pun tidak boleh melakukannya sembarangan. Cawan atau mangkuk teh yang disajikan diletakkan dengan sangat berhati-hati kerana yang menyajikan harus memastikan corak atau motif terbaik pada cawan teh tersebut haruslah menghadap ke arah tetamu. Oleh kerana itu adalah sisi yang paling baik, adalah tidak sopan sekiranya tetamu terus minum teh dari sisi tersebut. Jadi tetamu harus memutar cawan teh agar posisi sisi tersebut menghadap tuan rumah sebagai tanda terima kasih dan menghormati.

Rujukan:  
<https://ms.wikipedia.org/wiki/JMTI>  
<https://www.jmti.gov.my/index.php/ms/component/content/article/105-program/316-diploma-lanjutan-teknologi-kejuruteraan-komputer-ro2?Itemid=437>

